

044 ANALISA KESALAHAN PELAJAR DALAM PENULISAN BAHASA ARAB: MENULIS RESUME.

Normah Binti Husin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

normah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisa kesalahan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (BASL) menulis resume dalam Bahasa Arab. Penulis telah memilih secara rawak 15 resume yang ditulis oleh pelajar untuk subjek *Al-'Arabiyyah Li Aghrad Idariyyah* (BLAO 6003) sebagai sampel kajian. Penulis mengenalpasti kesalahan yang tertinggi dilakukan pelajar berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi adalah melibatkan kesalahan *imla'*, diikuti dengan kesalahan *mudhaf wa mudhafun ilaih*, kesalahan tatabahasa Arab, dan kesalahan melibatkan *sifat wa mausuf*. Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan *tazkir wa ta'nis* dan pemilihan *mufrad, musanna, jama'*. Bagi menangani masalah ini, strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah ditingkatkan. Bimbingan yang berterusan daripada tenaga pengajar dan penganjuran aktiviti bahasa yang memberi fokus pada penulisan diharap dapat mengatasi kesalahan menulis tatabahasa di kalangan pelajar.

Kata kunci: resume, Al-'Arabiyyah Li Aghrad Idariyyah, imla', mudhaf wa mudhafun ilaih, sifat wa mausuf, tazkir wa ta'nis dan mufrad, musanna, jama'.

PENDAHULUAN

Penulisan atau *kitabah* dalam Bahasa Arab dari segi bahasanya merupakan kata nama terbitan dari kata kerja *kataba* yang memberi maksud pengumpulan. Manakala *khat* memberi makna mengumpulkan huruf antara satu sama lain. Dari segi istilahnya, *kitabah* bermaksud pembentukan atau pengumpulan perkataan-perkataan yang diilhamkan oleh penulisnya. Penulisan dalam Bahasa Arab terbahagi kepada dua bahagian; *kitabah wazifiyyah* (yang merangkumi format tertentu, contohnya penulisan surat rasmi, minit mesyuarat, penulisan laporan, resume dan sebagainya), *kitabah ghair wazifiyyah* (penulisan yang tidak memerlukan format tertentu contohnya, penulisan diari, nota dan lain-lain). Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Akademi Islam KUIS menawarkan subjek *Al-'Arabiyyah Li Aghrad Idariyyah* (BLAO 6003) untuk pelajar tahun tiga semester enam Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (BASL) dan memberi tugas penulisan resume dalam Bahasa Arab kepada pelajar terbabit.

PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa Arab diangkat sebagai bahasa komunikasi dunia setanding dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain. Manakala penulisan Bahasa Arab menjadi antara wadah terpenting selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur. Kemahiran menulis bahasa Arab ini menjadi medium untuk melancarkan proses pengajaran&pembelajaran (P&P). Penulisan Bahasa Arab ini tidak terhad penggunaannya kepada orang Arab sebagai penutur pertama sahaja bahkan digunakan secara meluas oleh penutur kedua Bahasa Arab ini. Penggunaan Bahasa Arab ini juga mengundang kesalahan terutamanya aspek penulisan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan meminimumkan kesalahan yang sering dilakukan dalam penulisan Bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisa kesalahan penulisan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (BASL) dalam resume yang ditulis untuk subjek *Al-‘Arabiyyah Li Aghrad Idariyyah* (BLAO 6003). Analisa kesalahan ini merangkumi aspek-aspek berikut:

1. kesalahan penulisan dari aspek *imla’*.
2. kesalahan penulisan dari aspek *mudhaf wa mudhafun ilaih*.
3. kesalahan penulisan dari aspek tatabahasa.
4. kesalahan penulisan dari aspek *sifat wa mausuf*.
5. kesalahan penulisan dari aspek *dan tazkir wa ta’nis*.
6. kesalahan penulisan dari aspek pemilihan *mufrad, musanna, jama’*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menganalisa kesalahan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (BASL) menulis resume dalam Bahasa Arab. Penulis telah memilih secara rawak 15 resume yang ditulis oleh pelajar untuk subjek *Al-‘Arabiyyah Li Aghrad Idariyyah* (BLAO 6003) sebagai sampel kajian.

ANALISIS DAPATAN

Di sini disertakan analisa kesalahan dan pembetulan seperti berikut:

1. Kesalahan penulisan dari aspek *imla'*.

- 1.1 Ayat salah : مساعدة شؤون الطلبة
Ayat betul : مساعدة شؤون الطلبة
Analisa : berlaku penambahan huruf *waw* selepas huruf *shin*.
- 1.2 Ayat salah : فطرة رابعة
Ayat betul : فطرة رابعة
Analisa : berlaku perubahan hurug *tha* dan *ta*, pelajar terpengaruh dengan perkataan Bahasa Melayu *fatrah*.
- 1.3 Ayat salah : المدرسة الابتدائية فتاليغ جاي
Ayat betul : المدرسة الابتدائية فتاليغ جاي
Analisa : pelajar menambah huruf hamzah pada perkataan *الابتدائية* , yang mana perkataan tersebut terdiri daripada lima huruf dan penggunaan yang betul adalah hamzah wasal.
- 1.4 Ayat salah : الشهادة الثانوية الدنية
Ayat betul : الشهادة الثانوية الدينية
Analisa : pelajar tidak meletakkan huruf *ya'* selepas huruf *dal*.
- 1.5 Ayat salah : البرنامج في داوره القرآن
Ayat betul : البرنامج في دار القرآن
Analisa : berlaku penambahan huruf *waw* dan huruf *ha'*.

2. Kesalahan penulisan dari aspek *mudhaf wa mudhafun ilaih*.

- 2.1 Ayat salah : الورشة التعزيز الحفظ القرآن
Ayat betul : ورشة تعزيز حفظ القرآن
Analisa : perkataan *ورشة*، *تعزيز*، *حفظ* adalah *mudhaf* dan tidak memerlukan alif dan lam dan disandarkan pada *المudhof ilaihi القرآن*.
- 2.2 Ayat salah : مهعد تعليم اللغة لغير الناطقون بما
Ayat betul : مهعد تعليم اللغة لغير الناطقين بما
Analisa : perkataan yang betul adalah *الناطقين mudhof ilaihi majrur bil ya'*.
- 2.3 Ayat salah : القسم التكنولوجيا المعلوماتية
Ayat betul : قسم التكنولوجيا المعلوماتية
Analisa : perkataan *قسم* adalah *mudhaf* dan tidak memerlukan alif dan lam.

3. Kesalahan penulisan dari aspek *tatabahasa*.

- 3.1 Ayat salah : مشاركة مسابقة مناظرة اللغة العربية
Ayat betul : مشاركة في مسابقة مناظرة اللغة العربية
Analisa : *feel شارك* disertakan dengan *huruf jar fi* dalam pembentukan ayat.
- 3.2 Ayat salah : التحديات التي تواجهها الطلبة
Ayat betul : التحديات التي يواجهها الطلبة
Analisa : *feel* yang betul adalah *يواجه* kerana *fa'ilnya muzakkar – jama' الطلبة - taksir*.

4. Kesalahan penulisan dari aspek *sifat wa mausuf*.

- 4.1 Ayat salah : حفلة التعارف للطلبة الجدد
- Ayat betul : حفلة التعارف للطلبة للطلبة الجدد
- Analisa : sifat yang betul adalah الجدد, kerana perkataan الطلبة adalah *jama'* *taksir*.

- 4.2 Ayat salah : النهضة العلمي الحديث
- Ayat betul : النهضة العلمية الحديثة
- Analisa : sifat yang betul adalah الحديثة, العلمية, kerana *mausuf* النهضة adalah *muannas*.

5. Kesalahan penulisan dari aspek *dan tazkir wa ta'nis*.

- 2.1 Ayat salah : ندوة العمل التجارية
- Ayat betul : ندوة العمل التجاري
- Analisa : perkataan yang betul adalah التجاري, untuk disesuaikan dengan perkataan العمل.

6. Kesalahan penulisan dari aspek pemilihan *mufrad, musanna, jama'*.

- 2.2 Ayat salah : تطبيق المهارات الأربعة
- Ayat betul : تطبيق المهارات الأربع
- Analisa : perkataan yang betul adalah الأربع kerana nombor 1-10 dalam Bahasa Arab berlawanan dengan *ma'dud*/benda yang dibilang.

PENUTUP DAN CADANGAN

Kajian ini dijalankan bukan hanya bertujuan untuk mencari kesalahan pelajar dalam penulisan Bahasa Arab semata-mata bahkan memberi pendedahan aspek kelemahan pelajar dan memperkukuhkan strategi pengajaran dan pembelajaran. Antara cadangan yang boleh dikemukakan untuk pemantapan proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah penumpuan dan penekanan yang berterusan kepada aspek kelemahan pelajar, latihan sendiri, penganjuran

aktiviti bahasa yang memberi fokus dalam penulisan Bahasa Arab dan penggunaan alat bantuan mengajar mengikut kesesuaian pembelajaran.

RUJUKAN

- Jaseem ali Jaseem (1996). *Fi Turuq Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Lil Ajanib*. Kuala Lumpur Malaysia: ES Nordin.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012). Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Universiti Kebangsaan Malaysia, 130-138.
- Muhammad Ali Al-Khauilyy (1986). *Asaliib Taadrisi Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Riyadh: Saudi Arabia.
- Muhammad A'tiyyah Al-Ibrasyi (1993). *Ruh At-Tarbiyyah Wa At-Ta'lim*. Cairo Mesir: Dar Al-Fikr Al-Arabiyy.
- Muhammad Samarah Abu U'jaimah (1989). *Al-Lughah Al-Arabiyyah, Nizamuha, Wa Adabuha, Wa Qadhaya Mua'sirah*. Omman.
- Normah Binti Husin (2005/2006). *Baht Takmili Li Nail Darajah Majistiir Fi At-Tarbiyyah: Assuu'baat Allati Tuwajihu At-Tulab Al-Mubtadiin Fi Taa'llumi Al-Lughah Al-Arabiyyah Fi Markaz Al-Lughaat Bi Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah Malizia 'inda Taa'llumihim Maharat Al-Kitabah*. Institut Pendidikan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Wejdan Muhammad Soleh Kenali (2000). *Tahlil Al-Akhta' Al-Kitabah Fi Isti'mal Huruf Jarr Li At-Talabah Al-Malayuwiyyun Fi Qism Al-Lughah Al-arabiyyah Wa Adabiha: Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah Malizia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.